

## AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

### [AKTA 172]

#### KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Johor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### Tajuk dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini hendaklah dinamakan Kaedah-Kaedah Kelayakan Menyedia Dan Mengemukakan Pelan Serta Dokumen Untuk Kebenaran Merancang (Pindaan) 2014.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

#### Pindaan am

2. Kaedah-Kaedah Kelayakan Menyedia Dan Mengemukakan Pelan Serta Dokumen Untuk Kebenaran Merancang 2008 yang disebut “Kaedah ibu” dalam Kaedah ini adalah dipinda dengan -

(a) menggantikan perkataan “Jadual I” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Pertama”;

(b) menggantikan perkataan “Jadual II” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Kedua”;

dan

(c) menggantikan perkataan “Jadual III” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jadual Ketiga”.

#### Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 dalam Kaedah ibu dipinda dengan-

(a) memasukkan selepas tafsiran “Akta” dengan tafsiran “Arkitek professional” berikut:

‘ “Arkitek Professional” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 10(2) Akta Arkitek 1967 [Akta 117]’;

(b) memasukkan selepas tafsiran “Jawatankuasa” dengan tafsiran “Jurutera professional” berikut:

‘ “Jurutera Profesional” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 10(2) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138]’;

dan

(c) dengan menggantikan (;) dengan (.) selepas perkataan [Akta 538] dalam tafsiran “Perancang Bandar Berdaftar”.

### **Penggantian kaedah 3**

4. Kaedah 3 bagi Kaedah ibu adalah digantikan dengan kaedah 3 baru berikut:

#### **“Orang yang menyedia dan mengemukakan pelan, butir-butir dan pelan susunatur**

3. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan perakuan untuk mengemukakan pelan, butir-butir, pelan susunatur di bawah Akta hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa mengikut Borang A Jadual Pertama.

(2) Kelayakan orang yang menyedia dan mengemukakan pelan, butir-butir dan pelan susunatur adalah seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua.

(3) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan boleh dikemukakan oleh Perancang Bandar Berdaftar atau mana-mana orang.

(4) Penyediaan secara bersama oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional bersama Perancang Bandar Berdaftar seperti di dalam Jadual Pertama bermaksud, hendaklah mendapat pengesahan di atas pelan dengan tandatangan berserta cap rasmi kedua-dua profesional berdaftar.

(5) Walau apa pun peruntukan dalam subkaedah (2), jika pemajuan dicadangkan di sesuatu kawasan yang tidak ada rancangan tempatan, maka, pelan, butir-butir dan pelan susunatur yang

disertakan untuk permohonan kebenaran merancang hendaklah disediakan oleh atau Perancang Bandar Berdaftar.

(6) Setiap permohonan kebenaran merancang hendaklah disertakan dengan perakuan kelayakan orang yang menyediakan pelan, butir-butir, pelan susunatur dan laporan cadangan pemajuan daripada lembaga professional masing-masing.”.

#### **Penggantian kaedah 4**

5. Kaedah 4 dalam Kaedah ibu adalah digantikan dengan kaedah baru berikut:

##### **“Penyediaan laporan cadangan pemajuan**

4. (1) Bagi setiap kategori pemajuan seperti Jadual Kedua, hendaklah disertakan dengan suatu laporan cadangan pemajuan di bawah seksyen 21A Akta.

(2) Suatu laporan cadangan pemajuan hendaklah disediakan oleh Perancang Bandar Berdaftar atau menurut Jadual Kedua.

(3) Semasa penyediaan laporan cadangan pemajuan, maka bolehlah-

(a) mendapatkan input daripada profesional lain yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21C(b) Akta; dan

(b) merujuk kepada Manual Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.”.

#### **Penggantian kaedah 5**

6. Kaedah 5 dalam Kaedah ibu adalah digantikan dengan kaedah baru yang berikut:

##### **“Dokumen-dokumen sokongan lain**

5. Jika dikehendaki oleh pihak berkuasa Perancang tempatan, permohonan kebenaran merancang hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan lain yang hendaklah disediakan oleh orang yang berkelayakan dalam bidang berkaitan.”.

### **Pindaan kaedah 9**

7. Kaedah ibu adalah dipinda dengan memasukkan nota bahu bagi kaedah 9 dengan perkataan "**Perakuan Kelayakan Sementara**".

### **Pindaan kaedah 10**

8. Kaedah ibu adalah dipinda dengan memasukkan nota bahu bagi kaedah 10 dengan perkataan "**Mengubah terma dan syarat**".

### **Pindaan kaedah 15**

9. Kaedah 15 dalam Kaedah ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Fee" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Fi".

### **Pindaan Jadual Pertama**

10. Jadual Pertama dalam Kaedah ibu adalah dipinda –

(a) dalam Borang A, dengan menggantikan-

(i) perkataan "Kaedah 4" dengan perkataan "subkaedah 3(1)";  
dan

(ii) perkataan "KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG 2008" selepas perkataan "Jadual II" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG (PINDAAN) 2014";

(b) dalam Borang B, dengan menggantikan-

(i) perkataan "KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG 2008 PINDAAN 2012" selepas perkataan "yang mematuhi kehendak-kehendak" dengan perkataan "KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG (PINDAAN) 2014";

dan

- (ii) menggantikan perkataan “habis” sebelum perkataan “tempoh” dengan perkataan “tamat”;
  - (c) dalam Borang C, dengan menggantikan perkataan “Jadual II” selepas perkataan “Borang G” dengan perkataan “Jadual Pertama”;
- dan
- (d) dengan menggantikan Borang D dengan borang baru yang berikut:

**“JADUAL PERTAMA**

**KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKA PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG (PINDAAN) 2014**

**BORANG D**

**PERAKUAN SEMENTARA UNTUK MENGEMUKAKAN PELAN, BUTIR-BUTIR, PELAN SUSUN ATUR**

[Subkaedah 9(2)]

No. Perakuan : .....

Jawatankuasa Perancang Negeri .....

**PERAKUAN KELAYAKAN SEMENTARA**

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUKAN BAHAWA

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Pendaftaran Badan Profesional.....

Alamat: .....

.....

yang mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-Kaedah Kelayakan Menyedia dan Mengemuka Pelan serta Dokumen untuk Kebenaran Merancang (Pindaan) 2014 telah diperakukan sebagai ORANG YANG BERKELAYAKAN MENGEMUKAKAN PELAN, BUTIR-BUTIR, PELAN SUSUN ATUR DAN DOKUMEN bagi tujuan kebenaran merancang untuk perakuan sementara dalam tempoh enam bulan.

Perakuan ini tamat tempoh pada .....

METERAI

Tarikh : .....

(*Nama dan Tandatangan Pengesahan  
Pegawai Berkuasa*)".

### **Penggantian Jadual Kedua**

11. Jadual Kedua dalam Kaedah ibu adalah digantikan dengan Jadual baru berikut:

### **"JADUAL KEDUA**

#### **KAEDAH-KAEDAH KELAYAKAN MENYEDIA DAN MENGEMUKA PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG (PINDAAN) 2014**

#### **KELAYAKAN, SKOP KERJA DAN PENGALAMAN PRAKTIKAL**

[Subkaedah 3(2)]

#### **A. KEBENARAN MERANCANG SUSUNAN PENGGUNAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN**

<b>BIL.</b>	<b>SKOP KERJA</b>	<b>KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA</b>
1.	Penyediaan pelan susun atur, butir-butir dan laporan cadangan pemajuan bagi permohonan kebenaran merancang yang melibatkan tukar jenis/syarat dan pecah sempadan /pecah sempadan /penyerahan balik dan pemberimilikan semula / yang memberi kesan kepada kawasan sekitar.	
	(a) Pemajuan satu jenis guna tanah/aktiviti dalam suatu kawasan yang melibatkan pecah sempadan tanah	Perancang Bandar Berdaftar.
	(b) Pemajuan suatu pembangunan bercampur bersepadu melibatkan pelbagai guna tanah/aktiviti, dan mempunyai impak fizikal, sosial, alam sekitar dan ekonomi terhadap kawasan tersebut, serta melibatkan permohonan tukar jenis/syarat, pecah sempadan atau permohonan lain berkaitan tanah.	i. Perancang Bandar Berdaftar; atau ii. Perancang Bandar Berdaftar dan Arkitek Profesional.

BIL.	SKOP KERJA	KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA
	(c) Pemajuan berskala besar yang tertakluk di bawah peruntukan subseksyen 22(2A) Akta 172.	Perancang Bandar Berdaftar.
	(d) Pemajuan di kawasan sensitif alam sekitar yang ditetapkan dalam suatu rancangan pemajuan.	Perancang Bandar Berdaftar.

## B. KEBENARAN MERANCANG KERJA BANGUNAN

BIL.	SKOP KERJA	KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA
1.	Penyediaan pelan susun atur, butir-butir dan laporan cadangan pemajuan bagi permohonan kebenaran merancang berkaitan pendirian, pendirian semula dan perobohan bangunan. <i>(Nota : Skop ini hanya terpakai untuk pemajuan jenis berbilang tingkat / strata dan berkaitannya</i>	
	(a) Cadangan penggunaan bangunan selaras dengan pelan susun atur yang telah diluluskan atau rancangan tempatan yang telah diwartakan, dari segi guna tanah, aktiviti, kepadatan dan nisbah plot.	i. Perancang Bandar Berdaftar; atau ii. Arkitek Profesional dan Perancang Bandar Berdaftar.
	(b) Cadangan penggunaan bangunan tidak selaras dengan pelan susun atur yang telah diluluskan, disebabkan terdapat perubahan cadangan penggunaan, aktiviti, kepadatan atau nisbah plot, tetapi tidak bercanggah dengan rancangan pemajuan.	i. Perancang Bandar Berdaftar; atau ii. Perancang Bandar Berdaftar dan Arkitek Profesional.
	(c) Cadangan pemajuan yang tidak selaras dengan rancangan pemajuan, garis panduan perancangan dan pelan pengezonan yang telah diluluskan.	i. Perancang Bandar Berdaftar; atau ii. Perancang Bandar Berdaftar dan Arkitek Profesional.
	(d) Cadangan pemajuan berskala besar	i. Perancang Bandar

BIL.	SKOP KERJA	KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA
	dan melibatkan pelbagai guna tanah/aktiviti /kerja kejuruteraan yang tertakluk di bawah peruntukan subseksyen 22 (2A) Akta 172.	Berdaftar; atau ii. Perancang Bandar Berdaftar dan Arkitek Profesional.

**C. KEBENARAN MERANCANG UNTUK MENJALANKAN KERJA KEJURUTERAAN, PERLOMBONGAN DAN PERINDUSTRIAN**

BIL.	SKOP KERJA	KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA
1.	Penyediaan pelan susun atur dan laporan cadangan pemajuan bagi kerja kejuruteraan termasuklah membentuk atau meratakan tanah, membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan atau memasang kabel, sesalur, menyediakan bekalan air atau saliran, atau apa-apa perbuatan lain yang mengganggu mana-mana tanah termasuklah untuk tujuan pertanian.	i. Perancang Bandar Berdaftar dan atau ii. Jurutera Profesional dan Perancang Bandar Berdaftar  Orang yang mengemukakan pelan dan dokumen adalah Perancang Bandar Berdaftar sahaja.
2.	Penyediaan pelan susun atur dan laporan cadangan pemajuan bagi kerja perlombongan termasuklah mengorek, memecah, memindah dan mengangkut pada, di atas atau di bawah mana-mana tanah lombong sepertimana yang ditafsirkan di bawah Kanun Tanah Negara.	i. Perancang Bandar berdaftar dan atau ii. Jurutera Profesional dan Perancang Bandar Berdaftar  Orang yang mengemukakan pelan dan dokumen adalah Perancang Bandar Berdaftar sahaja.



<b>BIL.</b>	<b>SKOP KERJA</b>	<b>KELAYAKAN ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA</b>
3.	<p>Penyediaan pelan susun atur dan laporan cadangan pemajuan bagi kerja perindustrian pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah industri, yang tidak melibatkan apa-apa kerja bangunan termasuklah mengadakan suatu kawasan sebagai tempat penyimpanan kenderaan, bahan buangan atau apa-apa barang.</p>	<p>i. Perancang Bandar berdaftar dan atau ii. Jurutera Profesional dan Perancang Bandar Berdaftar</p> <p>Orang yang mengemukakan pelan dan dokumen adalah Perancang Bandar Berdaftar sahaja.</p>

**D. KEBENARAN MERANCANG UNTUK PERUBAHAN MATERIAL  
PENGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN**

<b>BIL.</b>	<b>SKOP KERJA</b>	<b>ORANG YANG MENYEDIA DAN MENGEMUKA</b>
1.	Penyediaan pelan susun atur dan laporan cadangan pemajuan bagi permohonan kebenaran merancang yang melibatkan perubahan penggunaan tanah.	Perancang Bandar Berdaftar.
2.	<p>Penyediaan pelan susun atur dan laporan cadangan pemajuan bagi permohonan kebenaran merancang yang melibatkan perubahan penggunaan bangunan.</p> <p><i>(Nota : Kategori ini termasuklah permohonan yang melibatkan perubahan penggunaan/aktiviti bangunan yang dibenarkan dengan syarat di dalam rancangan tempatan)</i></p>	i. Perancang Bandar Berdaftar.”.